

**Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1935:
Kadar Jenayah dan Kesannya
Kepada Perdamaian dan Kesejahteraan di Pulau Jawa**

Nazarudin Zainun

Pengenalan

Krisis besar dunia dalam bidang ekonomi yang bermula dalam tahun 1929 telah membawa pengaruh buruk kepada negara-negara yang menghasilkan bahan mentah berasaskan pertanian untuk pasaran antarabangsa.¹ Harga komoditi seperti beras, jagung dan ubi-ubian merosot dengan mendadak bersama harga komoditi eksport seperti gula, getah, kopi, teh, kina dan kopra. Semasa krisis ini penggunaan mata wang bagi menggantikan sistem barter telahpun bermula secara meluas. Namun akibat krisis ini, pengedaran mata wang dalam pasaran berkurangan. Hal ini berkait dengan kemerosotan harga dan hasil-hasil pertanian tertentu, sewa tanah dan upah buruh. Di samping itu keupayaan membayar ansuran pinjaman dalam kalangan peminjam kepada bank juga semakin merosot.

Bagi ekonomi Indonesia, terutamanya Pulau Jawa dengan ekonomi eksportnya, kesan dari kemelesetan ekonomi ini bukan sahaja mempengaruhi masyarakat dan kegiatan ekonomi di bandar tetapi juga turut memberi kesan kepada kehidupan petani di luar bandar.² Dengan jumlah penganggur yang semakin tinggi dan pendapatan berkurangan, kehidupan makin sukar, maka timbul persoalan adakah kemelesetan ekonomi ini mempengaruhi kadar kecenderongan jumlah kesalahan dan pelanggaran undang-undang di Pulau Jawa atau tidak?. Apapun jawapannya tentu akan meninggalkan dampak kepada perdamaian dan kesejahteraan di Pulau Jawa.

Kajian tentang kemelesetan ekonomi dunia 1929-1935 di Indonesia (Pulau Jawa) telah banyak ditulis sama ada oleh pengamat dan pencatat sezaman, mahupun pengkaji sejarah sama ada dalam kalangan masyarakat tempatan atau sarjana asing.

Sungguh pun begitu masih terdapat ruang kosong yang perlu diisi dan dilengkapi untuk manfaat dan pengajaran pada masa hadapan kerana gejala kemelesetan ekonomi seperti itu boleh berulang lagi dan sebenarnya telahpun berlaku. Pada Julai 1997 kejatuhan indeks di bursa saham Thailand diikuti Indonesia, Korea, Malaysia, Singapura dan Hong Kong telah memulakan krisis ekonomi Asia yang hebat. Bezanya pada kali ini krisis bermula dari Asia Tenggara, sedangkan pada 1929, kejadian serupa bermula dengan kejatuhan bursa saham New York pada 24 Oktober 1929.³ Kejadian ini membuatkan kita percaya bahawa kehidupan ibarat satu lingkaran yang sentiasa berpusing tanpa menemukan hujung dan pangkalnya. Apabila tiba

¹ Perengan ini diolah dari Egbert de Vries, (Terj.), *Pertanian dan Kemiskinan di Jawa* (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Gramedia, 1985), hlm. 85; G. Gonggrijp, *Schets Ener Economische Geschiedenis van Indonesie* (Garis Besar Sejarah Ekonomi Indonesia) (Haarlem: De Erven F. Bohn N.V., 1957), hlm. 172-99.

² Sumitro Djojohadikusumo, *Kredit Rakyat: Di Masa Depresi* (Jakarta: LP3ES, 1989), hlm. xxix. Pernyataan tersebut yang terkandung di dalam buku ini ditulis oleh M. Dawam Rahardjo di bawah tajuk "Perkreditan Rakyat di Pedesaan dan Koperasi: Sisi Lain Sumitro Djojohadikusumo" sebagai artikel pengantar dalam buku ini.

³ G. Gonggrijp, *Schets Ener Economische Geschiedenis van Indonesie*, hlm. 172.

di satu peringkat, hal yang sama akan terjadi lagi, maka tidak hairanlah pusingan ini dipanggil 'lingkaran syaitan'. Gejala ini cuma dibezakan oleh waktu dan tempat sedangkan bentuknya tetap sama, iaitu kemelesetan ekonomi terjadi apabila ekonomi sesebuah negara berada di puncak pertumbuhannya.

Kajian lalu

Kemelesetan ekonomi dunia di Indonesia mendapat perhatian ramai pengkaji seperti William Joseph O'Malley, yang memaparkan kesan ekonomi akibat krisis ini di Yogyakarta dan Pantai Timur Sumatera.⁴ Kebanyakan komoditi eksport menghadapi masalah kejatuhan harga yang mendadak dan penekanannya lebih kepada perubahan politik di kedua-dua kawasan kajian.

Satu-satunya sarjana Indonesia yang mengkaji zaman ini ialah Sumitro Djojohadikusumo. Kajiannya menumpu khusus kepada perbankan dan kredit pada zaman kemelesetan.⁵ Kajiannya tidak banyak menganalisis hakikat dan sebab-sebab terjadinya kemelesetan sebaliknya fokus beliau ialah kepada struktur ekonomi Indonesia yang berorientasikan eksport, kesan kemelesetan ke atas kehidupan petani kecil di kawasan luar bandar yang telahpun mengalami proses penggunaan wang secara meluas (*monetization*).

Sementara itu Ian Brown melihat pertumbuhan dan kemunduran ekonomi bersandarkan kepada ekonomi eksport.⁶ Bagi beliau krisis ini telah membawa berbagai-bagai tekanan ke atas daerah luar bandar Asia Tenggara yang terikat dengan ekonomi antarabangsa yang dimulai oleh kemerosotan eksport.⁷

Tulisan G. Gonggrijp pula menghuraikan sebab-sebab berlakunya kemelesetan ekonomi dan pertukaran sandaran mata wang dari emas kepada cara lain.⁸

Kesan dari kemelesetan ekonomi dunia secara sepintas lalu turut disentuh oleh R.E. Elson.⁹ Beliau melihat kesan kemelesetan dari kejatuhan industri gula di Jawa Timur ke atas petani. J.S. Furnivall yang mengkaji tentang ekonomi majmuk melihat kemelesetan ekonomi 1929-1935 dalam bab-bab terakhir bukunya yang masyur itu.¹⁰ Beliau turut membincangkan pemulihan pentadbiran dan politik, kemajuan ekonomi, kesan sosial serta kesan secara umum krisis tahun 1929 ini ke atas Indonesia.

⁴ William Joseph O'Malley, "Indonesia in the Great Depression: A Study of East Sumatra and Jogjakarta in the 1930's" (disertasi Ph.D., University Cornell, 1977).

⁵ Lihat disertasi beliau berjudul "Het Volkscredietwezen in de Depressie" (Kredit Rakyat Semasa Depresi), (disertasi Ph.D., University Rotterdam, 1943). Disertasi ini kemudian diterbitkan dalam Bahasa Indonesia bertajuk *Kredit Rakyat: Di Masa Depresi*.

⁶ Ian Brown, *Economic Change in South-East Asia, c. 1830-1980* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1999).

⁷ Ian Brown, "Rural Distress in Southeast Asia During the World Depression of the Early 1930s: A Preliminary Reexamination" *Journal of Asian Studies*, 1986, 45 (5), hlm. 995-1025; lihat juga Ian Brown, *Economic Change in South - East Asia c. 1830-1980*, hlm. 47-62 dan 216-229.

⁸ G. Gonggrijp, *Schets Ener Economische Geschiedenis van Indonesie*, hlm. 172-98.

⁹ R.E. Elson, *Javanese Peasants and the Colonial Sugar Industry Impact and Change in an East Java Residency 1830-1940* (Singapore, New York: Oxford University Press, 1984).

¹⁰ J.S. Furnivall, *Netherlands India: A Study of Plural Economy* (London: Canbridge University Press, 1939).

Pengkaji lain termasuklah George McTurnan Kahin¹¹, A. Neytzell de Wilde dan J. Th. Moll¹², Anne Booth, W.J. Cator dan E.S. de Klerck¹³, John Ingleson¹⁴, James C. Scott¹⁵, Peter Boomgaard¹⁶ dan Sartono Kartodirdjo.¹⁷ Dalam kajian yang pelbagai ini tiada satupun memaparkan kaitan antara kemelesetan ekonomi dan kadar jenayah serta implikasinya kepada perdamaian dan kesejahteraan di kawasan kajian mereka ataupun di Pulau Jawa.

Sumber-sumber

Kajian tentang kesan kemelesetan ekonomi dunia terhadap Pulau Jawa ini adalah perpaduan antara pelbagai sumber iaitu; sumber arkib khususnya dari Arkib Nasional Republik Indonesia (ANRI) dan dari Belanda, *Memories van Overgave (MvO)* (Memori Serah Jabatan) dalam bentuk mikrofilm, surat kabar dari Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (Jakarta), Perpustakaan Muzium Waspada Purba Wasesa (Jakarta), Dinas Dokumentasi Muzium ABRI Satria Mandala (Jakarta), Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia atau LIPI (Jakarta), Perpustakaan Fakulti Sastera, Universiti Indonesia (Jakarta), Perpustakaan Universti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

Data tentang kependudukan, migrasi dan ekonomi pula diperolehi dari Lembaga Demografi Indonesia Fakulti Ekonomi, Universiti Indonesia (Jakarta) dan Biro Pusat Statistik Republik Indonesia (Jakarta), maklumat berhubung keadaan sebelum, semasa dan selepas kemelesetan ekonomi pula diperolehi dari negara Belanda dan Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI). Sumber-sumber dari arkib merangkumi mikrofilem, mikrofis, kertas bercetak atau laporan, surat dan dokumen tulisan tangan.

Gabungan kajian arkib dan kepustakaan ini merupakan kaedah yang sesuai bagi menulis dan mendapatkan sumber serta diharapkan dapat menyediakan bahan yang baik bagi menjawab persoalan-persoalan yang timbul.

Permasalahan

Kajian ini merupakan satu usaha untuk meneroka kesan Sosioekonomi [perdamaian dan kesejahteraan] ke atas masyarakat di Pulau Jawa

-
- ¹¹ George McTurnan Kahin, *Nationalism and Revolution in Indonesia* (Ithaca and London: Cornell University Press, 1970).
 - ¹² A. Neytzell de Wilde dan J. Th. Moll, *The Netherlands Indies During the Depression: A Brief Economic Survey* (Amsterdam: J.M. Meulenhoff, 1936).
 - ¹³ Anne Booth, W.J.O'Malley dan Anna Weidemann, *Indonesian Economic History in the Dutch Colonial Era* (New Haven: Yale University: 1990); W.J. Cator, *The Economic Position of the Chinese in the Netherlands Indies* (Oxford: Basil Blackwell, 1936); E.S. Klerck, *History of the Netherlands East Indies* (Amsterdam: B.M. Israel N.V., 1975).
 - ¹⁴ John Ingleson, "Urban Java During the Depression" *Journal of Southeast Asian Studies*, 1988, vol. xix, no. 2, hlm. 292-309.
 - ¹⁵ James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant: Rebellion and Subsistence in Southeast Asia* (New Haven: Yale University Press, 1976), khususnya dalam bab 5.
 - ¹⁶ Peter Boomgaard, "Treacherous Cane: The Java Sugar Industry Between 1914 and 1940" dalam Bill Albert dan Adrian Graves (peny.), *The World Sugar Economy in War and Depression, 1914-1940* (London: Routledge, 1988), hlm. 157-69.
 - ¹⁷ Sartono Kartodirdjo dan Djoko Suryo, *Sejarah Perkebunan di Indonesia: Kajian Sosial-Ekonomi* (Yogyakarta: Aditya Media, 1991).

khususnya berkaitan dengan kadar jenayah dan pelanggaran undang-undang yang dilaporkan akibat kemelesetan ekonomi 1929-1935. Adakah kadar kecenderongan kemelesetan ekonomi ini seiring atau sebaliknya dengan kadar kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang?. Kawasan kajian meliputi seluruh Pulau Jawa yang terdiri dari tiga wilayah iaitu Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur.¹⁸ Pulau Jawa dipilih sebagai kawasan kajian kerana pulau ini merupakan pusat pentadbiran kolonial Belanda yang terletak di Batavia dan kini dikenali sebagai Jakarta. Dari segi penduduk, pulau ini menampung sebanyak dua per tiga dari jumlah seluruh penduduk Indonesia yang ketika itu berjumlah 60.7 juta sedangkan keluasannya pula merangkumi hanya satu per empat belas daripada seluruh wilayah Indonesia.¹⁹

Dari segi jangka masa kajian pula, 1929 dipilih kerana pada tahun inilah bermulanya kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan sehingga 1935, apabila keadaan kemelesetan menjadi semakin pulih.²⁰ Walau bagaimanapun khusus untuk kesalahan jenayah ini, kesukaran memperoleh sumber menjadi faktor penentu sebenar jangka masa kajian. Oleh kerana hanya sumber mulai Julai 1932 hingga Jun 1935 sahaja yang dapat dikesan setelah kajian arkib dijalankan maka kajian hanya meliputi tahun-tahun tersebut sahaja.

Sejak 1900 telah berlaku perubahan pada seluruh sistem ekonomi di Hindia Belanda yang bermula dari keperluan kepada bahan mentah untuk industri di negara-negara Eropah. Berikutnya Pulau Jawa telah dibuka untuk pertanian secara besar-besaran dengan kemasukan besar-besaran modal asing ke Hindia Belanda terutamanya selepas 1900 dan Perang Dunia Pertama.²¹ Pelabur-pelabur ini bukan sahaja dari Belanda, tetapi juga dari Amerika Syarikat, Jepun, Itali, Jerman, Perancis dan Belgium.²² Mereka membuka ladang seperti tebu, getah, kopi, teh, tembakau dan koko. Seiring dengan kemajuan ini kemudahan asas juga mula berkembang seperti pembinaan jalan raya dan jalan kereta api sementara sistem pengairan diperkenal dan diperluas. Para pemilik ladang dan tuan tanah mula mendapat keuntungan. Begitu juga dengan kerajaan kolonial Belanda dan masyarakat yang dikatakan mula mengecapi perubahan dalam gaya hidup.

Ketika menjelang kemelesetan ekonomi dunia, ekonomi Hindia Belanda telah berada di puncak dan telah pun berkembang selama tiga

¹⁸ Pembahagian wilayah ini dibuat berdasarkan kepada pembahagian wilayah pentadbiran oleh Belanda pada 1920. Semasa kemelesetan ekonomi dunia 1929 pembahagian wilayah tahun 1920 ini masih berkuatkuasa. Untuk keterangan lanjut tentang pembahagian wilayah ini lihat peta dalam Widjojo Nitisastro, *Population Trends in Indonesia*, (Ithaca and London: Cornell University Press, 1970), hlm. 66. Pembahagian wilayah pentadbiran dalam artikel ini seperti dalam Peta Wilayah Pentadbiran Pulau Jawa 1930, hlm. xv.

¹⁹ Semua angka dan statistik tentang kependudukan dalam perenggan ini diambil dari D.H. Burger, *Sociologisch-Economische Geschiedenis van Indonesia: Indonesia in de 20e eeuw*, deel II (Sejarah Ekonomi Sosiologi Indonesia: Indonesia dalam Abad 20, jilid II), (Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde, 1975), hlm. 8-9.

²⁰ P. Creutzberg, *Het Economisch Beleid in Nederlandsch-Indie: Capita Selecta, Tweede Stuk* (Pengurusan Ekonomi di Hindia Belanda: Karangan-Karangan Terpilih, Jilid II) (Groningen: H.D. Tjeenk Willink BV, 1974), hlm. ix.

²¹ J.S. Furnivall, *Netherlands India: A Study of Plural Economy*, hlm. 309-319 dan 323-331.

²² W.J. O'Malley, "Indonesia in the Great Depression: A Study of East Sumatra and Jogjakarta in the 1930's", hlm. 23.

dekad.²³ Terdapat banyak sebab mengapa malapetaka kemelesetan ekonomi dunia terjadi ketika itu. Satu faktor pencetus telah dikenal pasti iaitu spekulasi saham di pusat-pusat kewangan antarabangsa terutamanya di Wall Street, New York dan bursa saham di London. Akibat dari kegiatan spekulasi ini menyebabkan bursa saham New York jatuh merudum pada 24 Oktober 1929 dan seterusnya mempengaruhi pasaran saham di seluruh dunia.²⁴ Tarikh keramat inilah yang memisahkan antara puncak ekonomi dunia dengan zaman kemelesetan.

Kejatuhan harga saham sekali gus mempengaruhi harga komoditi eksport dari Hindia Belanda secara langsung dan menyebabkan harga komoditi eksportnya seperti gula, getah, teh, kopi, tembakau, kopra dan koko turut merudum di pasaran antarabangsa.

Keadaan kehidupan petani kemudiannya disulitkan lagi dengan tindakan para pelabur asing yang telah sekian lama menanam modal di Hindia Belanda untuk menarik keluar modal mereka. Kejatuhan perdagangan dunia dan tindakan para pelabur ini, menambahkan lagi kesengsaraan ekonomi penduduk luar bandar yang telahpun terjejas teruk, terutama mereka yang berhubungan langsung dengan pasaran dunia.²⁵

Ketika ini juga pendapatan kerajaan mulai berkurangan dan menyebabkan kerajaan kolonial Belanda menaikkan cukai serta mengenakan cukai baru. Keadaan ini juga turut mempengaruhi kemampuan Hindia Belanda untuk membayar hutangnya semasa kemelesetan.²⁶ Bagi rakyat pula, pendapatan dalam bentuk wang tunai dari jualan pengeluaran pertanian berkurangan lebih banyak daripada tanggungan beban dan perbelanjaan tunai mereka.²⁷ Dalam keadaan ekonomi merudum dan situasi ekonomi masyarakat yang semakin terhimpit maka wajarlah kadar kecenderongan jenayah dan pelanggaran undang-undang diperhatikan sebagai salah satu indikator kepada kesejahteraan masyarakat.

Setiap ruang yang kosong dalam kajian dan tafsiran yang sedia ada perlu dikaji semula dan dilengkapi, agar dapat menjadi panduan dan sandaran untuk masa akan datang. Oleh kerana masalah kecenderongan kadar pelanggaran undang-undang ini dalam hubungannya dengan kemelesetan ekonomi tidak mendapat perhatian para pengkaji, maka kajian ini menumpukan kepada hal tersebut di Pulau Jawa.

Jenayah

Sebelum melihat korelasi antara kemelesetan ekonomi dan jumlah pelanggaran undang-undang maka jumlah sebenar kesalahan jenayah dan

²³ W. J. O'Malley, "Indonesia in the Great Depression", hlm. 21.

²⁴ G. Gonggrijp, *Schets Ener Economische Geschiedenis van Indonesie*, hlm. 172.

²⁵ Ian Brown, "Rural Distress in Southeast Asia During the World Depression of the Early 1930s: A Preliminary reexamination", hlm. 995; lihat juga D.J.M. Tate, *The Making of Modern South-East Asia: The Western Impact: Economic and Social Change*, vol. 2, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979), hlm. 104.; dan W.J. O'Malley, "The Bengkalis Hunger Riots of 1935" dalam *Between People and Statistics: Essays on Modern Indonesian History, Presented to P. Creutzberg* (The Hague: Martinus Nijhoff, 1979), hlm. 235. Analisis oleh Ian Brown ini didasarkan kepada statistik perdagangan import-eksport dari Hindia Belanda yang merudum dan dikatakan mempengaruhi taraf hidup rakyat.

²⁶ D.H. Burger, *Sociologisch-Economische Geschiedenis van Indonesia*, deel II, hlm. 126-7.

²⁷ P. Creutzberg, *Het Economisch Beleid in Nederlandsch-Indie*, Tweede Stuk, hlm. xiii.

pelanggaran undang-undang yang dilaporkan di Pulau Jawa perlulah diteliti seperti dalam jadual 1 berikut.²⁸

Jadual 1
Jumlah kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang
yang dilaporkan di Pulau Jawa, Julai 1932-Jun 1935

Kawasan	tahun	kesalahan jenayah			melanggar undang-undang	
		1		2	3	4
		biasa	ringan	jumlah termasuk kolom 1	disebabkan kemelesetan ekonomi*	jumlah termasuk kolom 3
Jawa Barat	Jul - Dis '32	5,153	10,833	21,190	4,187	64,522
	Jan-Jun '33	5,943	11,331	22,183	1,186	43,564
	Jul - Dis '33	4,069	12,855	21,953	2,544	43,825
	Jan-Jun '34	6,122	12,596	23,371	1,712	42,653
	Jul - Dis '34	5,493	12,530	22,926	2,459	43,881
	Jan-Jun '35	6,572	15,307	26,455	2,300	43,536
Jawa Tengah	Jul - Dis '32	12,256	31,601	54,852	4,754	53,683
	Jan-Jun '33	14,196	28,532	69,668	6,094	51,350
	Jul - Dis '33	12,554	27,437	52,838	5,887	51,844
	Jan-Jun '34	15,599	32,057	54,806	7,007	62,056
	Jul - Dis '34	16,192	38,110	64,438	7,459	68,723
	Jan-Jun '35	18,104	40,992	67,426	10,032	62,339
Jawa Timur	Jul - Dis '32	11,694	25,797	50,430	7,136	67,052
	Jan-Jun '33	13,506	27,765	53,391	6,491	69,391
	Jul - Dis '33	12,243	25,090	49,241	6,567	60,007
	Jan-Jun '34	13,955	29,297	54,359	10,082	72,785
	Jul - Dis '34	15,971	33,545	63,367	13,250	80,104
	Jan-Jun '35	16,505	37,354	63,570	12,331	88,089

Catatan: Jumlah kesalahan selain jenayah yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi termasuk kekurangan wang dan pemberhentian kerja. Di dalam catatan-catatan kolonial bentuk kesalahan ini dikategorikan sebagai 'pelanggaran krisis'.

: Perbandingan antara jumlah kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang antara 1932-35 ini tidak dapat dibuat dengan tahun-tahun sebelum kemelesetan kerana masalah kekurangan data.

: Semua data tentang kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang di atas berdasarkan laporan rasmi yang dilaporkan kepada pihak berkuasa dan dikumpulkan oleh Perkhidmatan Perisikan Politik (PID). PID kemudiannya menghantar laporan tersebut kepada Gabenor General Hindia Belanda dan ke negara Belanda. Jadi data tersebut adalah laporan rasmi yang diterima sebagai pengganti kepada laporan polis.

Sumber:

Jawa Barat:

²⁸

Jadual 1 dibahagikan kepada dua iaitu bilangan kesalahan yang berkaitan dengan jenayah dan pelanggaran undang-undang. Kesalahan jenayah pula dibahagi kepada dua iaitu yang biasa meliputi jenayah, merompak, memukul dan sebagainya; kedua jenayah ringan seperti menipu, mencuri, merampas, meragut dan sebagainya. Bahagian kedua ialah pelanggaran undang-undang yang juga terbahagi dua iaitu yang disebabkan oleh kemelesetan seperti membuat wang palsu, menipu dan mencuri yang disebabkan oleh kekurangan wang dan pengangguran, serta kesalahan biasa yang dianggap ringan.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, West-Java, 1ste. Halfjaar 1933-1935", (Hal-hal yang berkaitan dengan perkembangan tindakan kejahatan sejak 1933, Jawa Barat, setengah tahun pertama 1933-1935) Batavia Centrum, 3 Januari 1936, GMR. 93/36.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, West-Java, 2e. semester 1932-1934", Batavia Centrum, 29 Mei 1935, GMR. 614/35.

Jawa Tengah:

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Midden-Java, 1e. semester 1933-1935", Batavia Centrum, 22 Oktober 1935, GMR. 1225/35.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Midden-Java, 2e. semester 1932-1934", Batavia Centrum, 16 April 1935, GMR. 500/35.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Jogjakarta, Eerste semester 1933-1935", Batavia Centrum, 22 Oktober 1935, GMR. 1225/35.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Jogjakarta, 2e. halfjaar 1932-1934", Batavia Centrum, 16 April 1935, GMR. 500/35.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Soerakarta, 1e. halfjaar 1933-1935", Batavia Centrum, 22 Oktober 1935, GMR. 1225/35.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Soerakarta, 2e. semester 1932-1934", Batavia Centrum, 16 April 1935, GMR. 500/35.

Jawa Timur:

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Oost-Java, 1ste. semester 1933-1935", Batavia Centrum, 22 Oktober 1935, GMR. 1225/35.

:"Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Oost-Java, 2 de. semester 1932-1934", Batavia Centrum, 16 April 1935, GMR. 500/35.

Berdasarkan jadual 1 secara keseluruhan semua jenis kesalahan menunjukkan peningkatan dengan yang paling ketara berlaku pada enam bulan pertama setiap tahun. Hal ini terjadi kerana pada Januari dan Februari tidak ada tuaian tanaman yang boleh dibuat.²⁹ Masa sebelum penuaian yang bermula pada Mac dikenali sebagai *paceklik* yakni masa kekurangan makanan dan pada masa inilah berlaku kenaikan tertinggi harga bahan makanan pada setiap tahun.³⁰ Keadaan seperti ini menggalakkan peningkatan kadar jenayah dan pelanggaran undang-undang di Pulau Jawa pada enam bulan pertama setiap tahun di antara 1929-1935.

Dari segi bilangan jenayah biasa dan ringan, Jawa Tengah menduduki tempat teratas kerana di sini terdapat kepadatan penduduk tertinggi sehingga 400 orang per kilometer persegi berbanding 300 Jawa Timur. Malahan sesetengah kawasan seperti Begelen dan Kedu (Jawa Tengah) mempunyai kepadatan sehingga 500 orang per kilometer persegi. Purata kepadatan penduduk yang tinggi ini meningkatkan risiko dan kecenderungan untuk berlakunya jenayah. Kepulangan kuli ladang dari Sumatera akibat kemelesetan ekonomi juga turut menyumbang kepada masalah ini.³¹

²⁹ Ag. Juli 8, No. 19394, AS, 1933, Kegagalan tanaman sawah.


³⁰ Dersjant, "Korte Beschouwing der Gegeven Betreffende de Criminaliteit in het Gewest Midden Java, Over het 1e. Sem. 1935", MR, No. 1225 geh/35, 15 Ogos 1935, ANRI. Paceklik dari Bahasa Jawa bermaksud musim kekurangan makanan, yang sering terjadi beberapa bulan sebelum tibanya musim menuai. Jans, "Criminaliteit 2de halfjaar 1934 en 1ste Kwartaal 1935" (Jenayah pada setengah tahun kedua 1934 dan suku pertama 1935), BB, No. 227s/Geheim, Klaten, 18 April 1935, hlm. 1-9.

³¹ R. Iskandar melawat daerah Cirebon, Tegal, Adiwerna, Brebes, Purwokerto, Banyumas, Karanganyar, Kebumen, Purworejo, Kutoarjo, Magelang, Yogyakarta dan Surakarta melaporkan menemui bekas kuli kontrak dari Sumatra. Keterlibatan mereka dengan jenayah dan pelanggaran undang-undang berdasarkan laporan pihak berkuasa seperti polis dan pemerintah daerah. Lihat R. Iskandar, "Javaansche Brochure Omtrent der Economische Toestand op Java", BB, No. 2817A, hlm. 1-40.

Pelanggaran undang-undang pula paling tinggi berlaku di Jawa Timur. Jumlah pengangguran yang tinggi merupakan penyebab utama kerana daerah ini mempunyai jumlah ladang tebu dan kilang gula yang paling banyak ditutup akibat kemelesetan. Dengan demikian kes pelanggaran undang-undang seperti penipuan, curi, ragut, tidak membayar hutang, cukai tidak berbayar dan seumpamanya meningkat akibat jumlah pembuangan kerja serta pengangguran yang tinggi.³² Selain itu kepulauan kuli kontrak dari Sumatera turut menyumbang kepada masalah ini seperti yang berlaku di Surabaya.³³ Persaingan untuk mendapatkan pekerjaan menyebabkan jumlah pengangguran meningkat; ini kemudiannya menggalakkan peningkatan pelanggaran undang-undang.³⁴

Analisis

Gambaran keseluruhan bilangan jenayah dan pelanggaran undang-undang yang dilaporkan antara Julai 1932-Jun 1935 seperti dalam graf 1.



³² Anonymous, "Krisis dan Meleset Khianat Rakyat", *ADIL*, 17 Jun 1935; Anonymous, "Rompak, Rompak, Rompak Saban Hari", *Al-Jaum*, 11 Januari 1935; Anonymous, "Keadaan di Madiun", *Siang Po*, 23 Disember 1933; Anonymous, "Malaise Hebat di Banyuwangi", *Al-Jaum*, 26 Disember 1931; Anonymous, "Pekalongan: Banyak Bapak2 Tani Kecurian Padi di Sawahnya", *ADIL*, 27 Mac 1935; Anonymous, "Akibat Kekurangan Makanan", *Ichtiar*, 6 Februari 1936.

³³ John Ingleson, "Urban Java During the Depression", hlm. 306.

³⁴ R. Iskandar, "Javaansche Brochure Omtrent der Economische Toestand op Java", BB, No. 2817A, hlm. 1-40. Hal ini dilaporkan secara rasmi oleh beliau berdasarkan sumber dari polis dan pemerintah setempat. Ag. Oct. 28, No. 30638, AS, 1933, Kejahatan; A.G. Vreede, "De Werkloosheid in Nederlandsch-Indie in het Tweede Halfjaar 1931" (Pengangguran di Hindia Belanda pada setengah tahun kedua 1931), *Koloniale Studien*, 1932, hlm. 204.

Berdasarkan graf 1, wilayah Jawa Timur mencatat jumlah kes yang terbesar diikuti Jawa Tengah, manakala Jawa Barat menunjukkan jumlah paling sedikit. Penurunan mendadak jumlah kes di Jawa Timur dan Jawa Tengah pada Julai-Disember 1933 berkait dengan tindakan polis melakukan *razia* (penangkapan beramai-ramai), bermula dari November-Disember 1932 sehingga Julai-Disember 1933.³⁵ Selepas itu *razia* gagal mencapai matlamatnya, menyebabkan kadar jenayah dan pelanggaran undang-undang di Jawa Timur dan Jawa Tengah terus meningkat. Kegagalan *razia* disebabkan semakin ramai buruh yang menganggur akibat semakin banyak kilang gula dan ladang tebu ditutup seiring dengan ekonomi Hindia Belanda yang makin parah sehingga ada dalam kalangan mereka yang lebih suka masuk penjara daripada bebas di luar.

"Ratusan orang masuk penjara kerana mereka tidak ada wang untuk hidup. Biasanya mereka tidak membantah untuk masuk penjara kerana boleh mendapatkan makanan percuma".³⁶

Hal yang serupa dilaporkan "di Indramayu dan Cirebon orang lebih suka masuk penjara kerana mereka diberi makan, sebab itulah ada laporan menyatakan mereka sengaja membiarkan dirinya ditangkap kerana menjual garam di pasar".³⁷ Dalam masa yang sama penjara tidak lagi mampu menampung jumlah pesalah yang semakin meningkat sehingga pesalah-pesalah kecil dilepaskan.³⁸

Penutupan banyak ladang tebu dan kilang gula turut menyumbang kepada kenaikan kadar kesalahan jenayah. Penutupan ini juga membabitkan ramai Polis Ladang yang ditugaskan menjaga ladang dan kilang gula serta kawasan sekitarnya. Jumlah mereka di Pulau Jawa tidak dapat dipastikan: bagi kawasan Yogyakarta dan Bantul terdapat 200 orang Polis Ladang.³⁹ Ketidadaan mereka menyebabkan jumlah kesalahan yang dilaporkan semakin meningkat.

Berlainan dengan Jawa Barat, jumlah kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang yang dilaporkan didapati menurun dalam enam bulan pertama 1933 dan jumlah ini terus stabil dalam tahun-tahun berikutnya. *Razia* yang dilakukan mulai November/Disember 1932 meninggalkan kesan positif ke atas jumlah kesalahan yang dilaporkan, apabila jumlah kesalahan jenayah menurun dengan mendadak pada Januari-Jun 1933. Di Jawa Barat terdapat banyak bandar besar dan pusat penting bagi Hindia Belanda seperti ibu negeri, pelabuhan, pusat perdagangan dan pentadbiran di mana pemerintah mempunyai kepentingan. Ini menyebabkan kawalan ketat yang

³⁵ R. Verheyen, "Verloop van de Criminaliteit" (Peningkatan kadar jenayah), *GMR*, No. 326, Bijl. 10 (Lampiran 10), 16 Mac 1933, Batavia.

³⁶ E. Gobee, "Jaarvergedering der P.B.I. 1e. Soerabaja, 1935" (Mesyuarat agung tahunan P.B.I. yang pertama di Surabaya, 1935), *GMR*, No.670, Batavia, 4 Jun 1935.

³⁷ Anonymous, "Kemelesetan Besar di Cirebon", *Djit Po*, 8 Jun 1935; Creutzberg, *Het Economische Beleid in Netherlands Indies, Vol. II*, hlm. 784. Ketika ini garam adalah barangan kawalan dan hanya pemerintah sahaja dibenarkan menjualnya.


³⁸ Anonymous, "Kemelesetan Besar di Cirebon", *Djit Po*, 8 Jun 1935.

³⁹ Anonymous, "Verloop van der Criminaliteit 2e. Semester 1934 en 1e. semester 1935" (Perkembangan kadar jenayah setengah tahun kedua 1934 dan setengah tahun pertama 1935), *GMR* 1199G, Batavia, Julai 1935, ANRI.

berterusan dilakukan di Batavia, Buitenzorg dan bandar-bandar utama lain di Jawa Barat. Kawalan ini melibatkan kerjasama antara polis, pemerintah daerah pribumi dan Lembaga Penjaga Kampung yang berjaya mengekang jenayah dengan langkah-langkah pencegahan yang berkesan.⁴⁰ Ini dapat dilihat daripada jumlah kesalahan yang dilaporkan berada hampir statik bagi jangka masa berikutnya.

Walaupun peningkatan kadar kes yang dilaporkan agak tinggi di Jawa Tengah dan Jawa Timur, namun dari segi peratusan bagi seluruh Pulau Jawa jumlah ini masih dianggap rendah yakni kurang dari satu peratus penduduk yang terlibat dengan kegiatan jenayah dan pelanggaran undang-undang. Peratusan penduduk di Pulau Jawa yang melakukan kesalahan adalah seperti berikut; antara Julai-Disember 1932 sebanyak 0.76%, Januari-Jun 1933 (0.75%), Julai-Disember 1933 (0.68%), Januari-Jun 1934 (0.75%), Julai-Disember 1934 (0.84%) dan Januari-Jun 1935 (0.78%).⁴¹ Jumlah kurang dari satu peratus ini sebenarnya tidaklah membimbangkan kerana purata kejatuhan pendapatan per kapita pribumi dan daya beli mereka jauh lebih tinggi iaitu pada kadar 7.3% setahun selama masa kemelesetan ekonomi.⁴²

Keadaan kesalahan disebabkan oleh kemelesetan yang dilaporkan di Pulau Jawa antara Julai 1932-Jun 1935 adalah seperti dalam graf 2, yang memaparkan tentang bilangan kesalahan yang berlaku seperti mencuri, membuat serta mengedar wang palsu, membuat serta menjual garam dan seumpamanya.



⁴⁰ Anonymous, "Verloop van der Criminaliteit 2e. Semester 1934 en 1e. semester 1935", GMR 1199G, Batavia, Julai 1935, ANRI. Pernyataan ini berdasarkan laporan rasmi untuk pemerintah Hindia Belanda oleh PID tentang kesalahan yang dilakukan.

⁴¹ Nazarudin Zainun, "Kemelesetan Ekonomi Dunia: Kesan Sosioekonomi di Pulau Jawa (1929-1935)", Tesis Ph.D., P.P.I. Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2003, hlm. 360-1.

⁴² Nazarudin Zainun, "Kemelesetan Ekonomi Dunia", hlm. 327-8.

Jumlah kesalahan yang paling banyak dilaporkan ialah di Jawa Timur diikuti Jawa Tengah yang merupakan kawasan paling teruk terjejas akibat kemelesetan. Jumlah pengangguran yang meningkat di sini akibat pemberhentian kerja menyebabkan semakin ramai yang mengalami kehidupan sukar. Gejala mencuri barangan berharga, makanan dan pakaian dilaporkan menjadi-jadi. Di Banyuwangi dan Besuki misalnya dilaporkan banyak kes kehilangan padi yang belum dituai di sawah.⁴³ Laporan dari Surabaya pula menyatakan jumlah pencuri kayu, tebu dan tanaman lain di ladang terus meningkat pada pertengahan kedua 1934. Begitu juga dengan pelanggaran undang-undang monopoli garam dan cukai penyembelihan haiwan yang tidak dibayar.⁴⁴ Laporan tentang kehilangan barangan berharga seperti barang kemas, keris pusaka, dan barangan perhiasan dari logam juga banyak.⁴⁵ Memandangkan banyak kejadian yang dilaporkan pada pertengahan pertama dan kedua 1934 tidak hairanlah jika graf 2 menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam kesalahan yang dilaporkan semasa kemelesetan sesuai dengan keadaan kemelesetan yang paling buruk pada 1934. Tindakan memberi bantuan bahan makanan khususnya beras oleh organisasi bantuan mulai hujung 1934 seperti di kawasan luar bandar di Jawa Timur berjaya mengurangkan jumlah kes jenayah yang dilaporkan.⁴⁶

Bagi Jawa Barat pula mulai awal 1933 telah diadakan sekatan perjalanan dari wilayah lain untuk memasuki Batavia di samping kawalan ketat pasukan polis berjaya menurunkan kadar kesalahan yang dilaporkan, malah selepas 1933 jumlahnya terus menurun.⁴⁷ Pemberian bantuan kepada penduduk luar bandar pada penghujung 1934 turut mendorong penurunan jenayah di Jawa Barat. Selain itu *razia* yang kerap dilakukan untuk menahan mereka yang sering berkeliaran dan dianggap berpotensi untuk melakukan kejahatan juga menyumbang kepada kestabilan kes-kes jenayah.

Satu kegiatan jenayah yang berkembang subur ekoran kemelesetan ekonomi ialah pembuatan wang rupiah palsu. Hampir semua yang terlibat dalam pembuatan wang ini terdiri daripada orang Cina yang dilakukan di negeri China dan Pulau Jawa seperti di Pekalongan dan Cirebon.⁴⁸ Wang palsu ini boleh dikenal pasti melalui warna, jenis huruf dan garisan tepinya. Menurut *Centraal Bureau voor Bestrijden der Valschemunterij* (Biro Pusat

⁴³ Soendjoto, "Jaarverslag Roekoen Tani 1934" (Laporan tahunan RukunTani 1934), *GMR*, No. 670, Surabaya, 19 April 1935, ANRI; Verheyen, "Verloop van de Criminaliteit" (Perkembangan kadar jenayah), *GMR*, No. 326, Bijl. 10, 16 Mac 1933, ANRI.

⁴⁴ Jans, "Criminaliteit 2de halfjaar 1934", *GMR*, No. 614, Surabaya, 15 April 1935, ANRI.; Jans, "Criminaliteit 2de halfjaar 1934 en 1ste Kwartaal 1935", *GMR*, No. 227s/Geheim, Klaten, 18 April 1935, hlm. 1-9.

⁴⁵ Banyak laporan akhbar tentang ini seperti Anonymous, "Keadaan di Mediun", *Siang Po*, 5 Oktober 1933; Anonymous, "Sebab-sebabnya Dunia Dalam Krisis", *Al-Jaum*, 7 November 1931; Anonymous, "Pekalongan: Banyak Bapak2 Tani Kecurian Padi di Sawahnya", *ADIL*, 27 Mac 1935; Anonymous, "Akibat Kekurangan Makanan", *Ichtiar*, 6 Februari 1936 dan Anonymous, "Rompak, Rompak, Rompak Saban Hari", *Al-Jaum*, 11 Januari 1933.

⁴⁶ Anonymous, "Verloop van der Criminaliteit 2e. Semester 1934 en 1e. Semester 1935", *GMR* 1199G, Batavia.

⁴⁷ Perengannya diolah berdasarkan laporan Anonymous, "Verloop van der Criminaliteit 2e. Semester 1934 en 1e. Semester 1935", *GMR*, 1199G, Batavia.

⁴⁸ Anonymous, "Rupiah Palsu", *Pewarta Madioen*, 28 Disember 1931; Anonymous, "Pabrik Uang Palsu di Cirebon", *Ichtiar*, 14 Januari 1936 dan Anonymous, "Tukang Bikin Uang Palsu Ditangkap", *Siang Po*, 12 Ogos 1933.

untuk Membenteras Wang Palsu), wang palsu boleh dikenali seperti berikut: wang kertas f50, warna merahnya terlalu tua dengan tanda air (*water mark*) yang tidak jelas di bahagian tepinya;⁴⁹ wang f25 dari siri MD dan UD pula mempunyai tanda air yang samar-samar sementara wang f10 merupakan paling banyak dipalsukan dan dapat dibahagikan kepada tiga jenis. Jenis A - bahagian belakang terlalu berkilat; jenis B - perbezaan antara warna hijau dan putih di bahagian depan terlalu sedikit dan cetakan huruf di bahagian belakang sangat buruk; jenis C - warna hijaunya terlalu pekat, tulisan teks dalam bahasa Belanda tentang peraturan hukuman tidak boleh dibaca dan bahagian bawahnya terlalu kuning. Ciri-ciri umum lainnya ialah bahagian tepi wang kertas palsu mempunyai warna putih yang tidak terang. Wang f5 pula dengan siri 2V mempunyai tanda air yang samar-samar di bahagian tepinya. Tulisan pada wang perak (siling) palsu tidak cantik dengan penggunaan jenis huruf yang berlainan terutamanya bagi tahun 1928, 1929 dan 1931.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya peningkatan dalam perlakuan jenayah dan pelanggaran undang-undang ini disebabkan oleh kesengsaraan yang dialami rakyat secara tiba-tiba akibat kemelesetan. Peningkatan pengangguran, pemotongan gaji dan peningkatan cukai, hutang dan tanggungan sekali gus telah mengubah tabiat pribumi. Tindakan mencuri bahan makanan, penipuan, jenayah, tidak membayar hutang bukanlah perangai atau tabiat petani pribumi di Pulau Jawa pada abad ke-19 dan awal abad 20. Kesan kemelesetan tidak hanya dialami oleh masyarakat bandar, tetapi juga di luar bandar dalam kalangan mereka yang mengeluarkan tanaman komersil, petani saradiri serta buruh sektor-sektor yang tiada kaitannya dengan ekonomi antarabangsa.

Demikianlah jelas bahawa ada korelasi langsung antara kemelesetan ekonomi dan kecenderongan jumlah kesalahan jenayah yang dilaporkan berlaku di Pulau Jawa bagi jangka masa antara 1932 hingga 1935. Dalam keadaan biasa seperti di Jawa Tengah dan Jawa Timur, semakin hebat kemelesetan ekonomi menekan masyarakat petani maka semakin tinggi tingkat kecenderongan berlakunya jenayah dan pelanggaran undang-undang. Sedangkan khusus bagi kawasan yang mempunyai kepentingan tertentu kepada pemerintah seperti Jawa Barat, kecenderongan peningkatannya sangat minimum hasil penjagaan dan kawalan keselamatan yang sangat rapi. Namun demikian, walaupun dari segi jumlah kesalahan yang dilaporkan didapati meningkat tetapi dari segi peratusannya tidaklah membimbangkan.

⁴⁹

Semua perbincangan tentang wang palsu ini diolah dari Anonymous, "Uang Kertas Palsu", *Pewarta Madioen*, 14 November 1931; Anonymous, "Tanda-Tanda Dari Wang Palsu", *Djit Po*, 29 November 1934; Anonymous, "Rupiah Palsu", *Pewarta Madioen*, 28 Disember 1931.

BIBLIOGRAFI

Arkib

- Ag. Juli 8. No. 19394..AS. 1933. Kegagalan tanaman sawah. (Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI).
- Ag. Oct. 28. No. 30638. AS. 1933. Kejahatan. ANRI
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Jogjakarta, 2e. halfjaar 1932-1934". Batavia Centrum. 16 April 1935. GMR. 500/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Midden-Java, 2e. semester 1932-1934". Batavia Centrum. 16 April 1935. GMR. 500/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Oost-Java, 2 de. semester 1932-1934". Batavia Centrum. 16 April 1935. GMR. 500/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, Soerakarta, 2e. semester 1932-1934". Batavia Centrum. 16 April 1935. GMR. 500/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1932, West-Java, 2e. semester 1932-1934". Batavia Centrum. 29 Mei 1935. GMR. 614/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Jogjakarta, Eerste semester 1933-1935". Batavia Centrum. 22 Oktober 1935. GMR. 1225/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Midden-Java, 1e. semester 1933-1935". Batavia Centrum. 22 Oktober 1935. GMR. 1225/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Oost-Java, 1ste. semester 1933-1935". Batavia Centrum. 22 Oktober 1935. GMR. 1225/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, Soerakarta, 1e. halfjaar 1933-1935". Batavia Centrum. 22 Oktober 1935. GMR. 1225/35.
- Anonymous. "Gegevens over het verloop der criminaliteit sinds 1933, West-Java, 1ste. Halfjaar 1933-1935". Batavia Centrum. 3 Januari 1936. GMR. 93/36.
- Anonymous. "Verloop van der Criminaliteit 2e. Semester 1934 en 1e. semester 1935". GMR. 1199G. Batavia. Julai 1935. ANRI.
- Dersjant. "Korte Beschouwing der Gegeven Betreffende de Criminaliteit in het Gewest Midden Java, Over het 1e. Sem. 1935". MR. No. 1225 geh/35. 15 Ogos 1935. ANRI.
- Gobee, E. "Jaarvergadering der P.B.I. 1e. Soerabaja, 1935". GMR. No.670. Batavia. 4 Jun 1935.
- Iskandar, R. "Javaansche Brochure Omtrent der Economische Toestand op Java". BB. No. 2817A.
- Jans. "Criminaliteit 2de halfjaar 1934". GMR. No. 614. Surabaya. 15 April 1935. ANRI.
- Jans, "Criminaliteit 2de halfjaar 1934 en 1ste Kwartaal 1935". BB. No. 227s/Geheim. Klaten. 18 April 1935.

- Soendjoto. "Jaarverslag Roekoen Tani 1934". *GMR*. No. 670. Surabaya. 19 April 1935. ANRI.
- Verheyen, R. "Verloop van de Criminaliteit". *GMR*. No. 326. Bijl. 10. 16 Mac 1933. Batavia.

Buku, Jurnal dan Tesis

- Boomgaard, Peter. 1988. "Treacherous Cane: The Java Sugar Industry Between 1914 and 1940" dalam Bill Albert dan Adrian Graves (peny.). *The World Sugar Economy in War and Depression, 1914-1940*. London: Routledge.
- Booth, Anne, W.J.O'Malley dan Anna Weidemann. 1990. *Indonesian Economic History in the Dutch Colonial Era*. New Haven: Yale University.
- Brown, Ian. 1999. *Economic Change in South-East Asia, c. 1830-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Brown, Ian. 1986. "Rural Distress in Southeast Asia During the World Depression of the Early 1930s: A Preliminary Reexamination". *Journal of Asian Studies*. 45 (5).
- Burger, D.H. 1975. *Sociologisch-Economische Geschiedenis van Indonesia: Indonesia in de 20e eeuw*. deel II. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde.
- Cator, W.J. 1936. *The Economic Position of the Chinese in the Netherlands Indies*. Oxford: Basil Blackwell.
- Creutzberg, P. 1974. *Het Ekonomisch Beleid in Nederlandsch-Indie: Capita Selecta*. Tweede Stuk. Groningen: H.D. Tjeenk Willink BV.
- Djojohadikusumo, Sumitro. 1989. *Kredit Rakyat: Di Masa Depresi*. Jakarta: LP3ES.
- Djojohadikusumo, Sumitro. 1943. "Het Volkscredietwezen in de Depressie". Disertasi Ph.D., University Rotterdam.
- Elson, R.E. 1984. *Javanese Peasants and the Colonial Sugar Industry Impact and Change in an East Java Residency 1830-1940*. Singapore, New York: Oxford University Press.
- Furnivall, J.F. 1939. *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. London: Canbridge University Press.
- Gonggrijp, G. 1957. *Schets Ener Economische Geschiedenis van Indonesie*. Haarlem: De Erven F. Bohn N.V.
- Ingleson, John. 1988. "Urban Java During the Depression". *Journal of Southeast Asian Studies*. vol. xix, no. 2, hlm. 292-309.
- Kahin, George McTurnan. 1970. *Nationalism and Revolution in Indonesia*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Kartodirdjo, sartono dan Djoko Suryo. 1991. *Sejarah Perkebunan di Indonesia: Kajian Sosial-Ekonomi*. Yogyakarta: Aditya Media.
- Klerck, E.S. 1975. *History of the Netherlands East Indies*. Amsterdam: B.M. Israel N.V.
- Nazarudin Zainun . 2003. "Kemelesetan Ekonomi Dunia: Kesan osioekonomi di Pulau Jawa (1929-1935)". Tesis Ph.D. P.P.I.Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

- Nitisastro, Widjojo. 1970. *Population Trends in Indonesia*. (Ithaca and London: Cornell University Press.
- O'Malley, William Joseph. 1977. "Indonesia in the Great Depression: A Study of East Sumatra and Jogjakarta in the 1930's". Disertasi Ph.D., University Cornell.
- O'Malley, W.J. 1979. "The Bengkalis Hunger Riots of 1935" dalam *Between People and Statistics: Essays on Modern Indonesian History, Presented to P. Creutzberg*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Scott, James C. 1976. *The Moral Economy of the Peasant: Rebellion and Subsistence in Southeast Asia*. New Haven: Yale University Press.
- Tate, D.J.M. 1979. *The Making of Modern South-East Asia: The Western Impact: Economic and Social Change*, vol. 2. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Vreede, A.G. "De Werkloosheid in Nederlandsch-Indie in het Tweede Halfjaar 1931". *Koloniale Studien*. 1932.
- Vries, Egbert de. (Terj.). 1985. *Pertanian dan Kemiskinan di Jawa*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Gramedia.
- Wilde, A. Neytzell de dan J. Th. Moll, 1936. *The Netherlands Indies During the Depression: A Brief Economic Survey*. Amsterdam: J.M. Meulenhoff.

Surat Khabar

- Anonymous. "Krisis dan Meleset Khianat Rakyat". *ADIL*. 17 Jun 1935.
- Anonymous. "Keadaan di Madiun". *Siang Po*. 23 Desember 1933.
- Anonymous. "Malaise Hebat di Banyuwangi". *Al-Jaum*. 26 Desember 1931.
- Anonymous. "Pekalongan: Banyak Bapak2 Tani Kecurian Padi di Sawahnya". *ADIL*. 27 Mac 1935.
- Anonymous. "Akibat Kekurangan Makanan". *Ichtiar*. 6 Februari 1936.
- Anonymous. "Kemelesetan Besar di Cirebon". *Djit Po*. 8 Jun 1935.
- Anonymous. "Keadaan di Mediun". *Siang Po*. 5 Oktober 1933.
- Anonymous. "Sebab-sebabnya Dunia Dalam Krisis". *Al-Jaum*. 7 November 1931.
- Anonymous. "Rompak, Rompak, Rompak Saban Hari". *Al-Jaum*. 11 Januari 1933.
- Anonymous. "Rupiah Palsu". *Pewarta Madioen*. 28 Desember 1931.
- Anonymous. "Pabrik Uang Palsu di Cirebon". *Ichtiar*. 14 Januari 1936.
- Anonymous. "Tukang Bikin Uang Palsu Ditangkap". *Siang Po*. 12 Ogos 1933.
- Anonymous. "Uang Kertas Palsu". *Pewarta Madioen*. 14 November 1931.
- Anonymous. "Tanda-Tanda Dari Wang Palsu". *Djit Po*. 29 November 1934.

**Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1935:
Kadar Jenayah dan Kesannya
Kepada Perdamaian dan Kesejahteraan di Pulau Jawa**

Nazarudin Zainun

Abstrak

Tulisan tentang kadar kecenderongan kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang akibat kemelesetan ekonomi ini terhad di Pulau Jawa sahaja. Kadar kesalahan jenayah yang berlaku tentunya akan meninggalkan kesan secara langsung kepada keadaan perdamaian dan kesejahteraan di Pulau Jawa. Permasalahan dalam makalah ini ialah melihat korelasi antara kemelesetan ekonomi dan kadar kecenderongan jenayah dan pelanggaran undang-undang di Pulau Jawa antara 1932-1935 dan kesannya ke atas kesejahteraan masyarakat. Sebelum kemelesetan ekonomi kesalahan seperti ini bukanlah sesuatu yang lazim buat para petani di Pulau Jawa. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi langsung antara kemelesetan ekonomi dan kecenderongan kadar jenayah dan pelanggaran undang-undang yang dilaporkan di Pulau Jawa. Hal ini tentunya mengugat perdamaian dan kesejahteraan masyarakatnya. Namun demikian dari segi peratusan peningkatan kesalahan yang dilaporkan, hal ini bukanlah sesuatu yang sangat membimbangkan.

Key Word

Kemelesetan Ekonomi Dunia

Sosioekonomi

Kadar Jenayah

Pulau Jawa

Jawa Barat

Jawa Tengah

Jawa Timur